

24/05/2001

Wakil Puteri sampai ucapan terima kasih

KUALA LUMPUR, Selasa - Seorang wakil dari Puteri Umno akan diberi peluang menyampaikan ucapan terima kasih kepada presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika Perhimpunan Agung Umno mulai 19 Jun depan.

Setiausaha Kerja Umno, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor, berkata wakil unit itu akan berucap sebagai pemerhati, sebagaimana yang diberikan kepada wakil Kelab Umno Luar Negeri.

"Walaupun mereka masih bergerak sebagai jawatankuasa penaja, Umno Pusat tetap memberi peluang kepada mereka untuk mengambil bahagian," katanya ketika ditemui di lobi Dewan Negara, di sini semalam.

Pada masa yang sama, Tengku Adnan berkata peruntukkan sebagai pemerhati juga akan diberikan kepada beberapa wakil Puteri Umno lain yang tidak menyampaikan ucapan.

Sehingga kini, Umno Pusat memperuntukkan 30 perwakilan masing-masing kepada Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Wanita Umno.

Mengenai sama ada Perlembagaan Puteri Umno akan ditetapkan sebelum perhimpunan agung bermula, Tengku Adnan berkata: "Belum kerana jawatankuasa itu masih di peringkat awal."

Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) sebelum ini melantik Azalina Othman Said, sebagai Ketua Penaja Puteri Umno. MT juga memutuskan bahawa ahlinya hendaklah berumur kurang daripada 35 tahun.

Jawatankuasa penaja berkenaan dianggotai 20 ahli dengan tujuh daripadanya dilantik oleh MT dan 13 lagi dipilih melalui badan Perhubungan Umno negeri.

Baru-baru ini, peguam, artis dan pengurus adalah antara mereka yang dilantik Azalina menganggotai Jawatankuasa Pusat Penaja Puteri Umno dan Ketua Puteri Negeri.

(END)